

Faktor Kelangsungan Penyeludupan Barangan di Sempadan Malaysia, Sarawak (Lubok Antu) dan Indonesia, Kalimantan Barat (Badau)

Factors of continuity of Goods Smuggling at the Border of Malaysia Sarawak (Lubok Antu) and Indonesia Kalimantan Barat (Badau)

JULIE TAY GEK HSIA & GUSNI SAAT

ABSTRAK

Fenomena budaya “penyeludupan” di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia, terutamanya melibatkan barangan keperluan asas, telah berlaku sejak sebelum terbentuknya negara persekutuan Malaysia. Hasil kajian-kajian terdahulu menunjukkan, walaupun terdapat kawalan ketat di setiap pintu sempadan antara dua buah negara tetapi kegiatan penyeludupan barangan masih berlangsung. Persoalannya kenapa penyeludupan barangan ini terus berlaku? Tujuan kajian ini adalah untuk memahami kenapa kegiatan penyeludupan barangan di sempadan Malaysia-Indonesia iaitu Lubok Antu dan Badau terus berlangsung dalam keadaan kuat-kuasa undang-undang penyeludupan. Lebih khusus lagi, maka kajian ini telah mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan berkenaan. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan rekabentuk kajian kes. Kaedah temubual mendalam ke atas 15 orang informan yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan dan pemerhatian telah dijalankan untuk memperoleh dapatan yang kukuh. Data kajian dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti. Kajian ini mendapati, terdapat dua faktor penyumbang kepada faktor-faktor kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan. Pertama, faktor wujudulu yang merangkumi sejarah perdagangan, hubungan kekeluargaan, sentimen kekitaan, budaya dan geografi. Kedua, faktor wujudkemudian yang merangkumi pintu sempadan dan perjanjian-perjanjian sempadan. Kajian mendapati bahawa faktor-faktor wujudulu adalah penyumbang utama kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan di kawasan kajian, ia menolak konsep “penyeludupan barangan” dibawah faktor wujudkemudian. Sebaliknya faktor wujudulu mempertahankan konsep bahawa “penyeludupan” hanya melibatkan barangan merbahaya seperti senjata dan dadah. Hal ini seterusnya mempengaruhi persepsi dalam kalangan pihak penguatkuasa pintu sempadan kedua-dua negara, bahawa kegiatan penyeludupan barangan keperluan asas adalah budaya komuniti sempadan yang harus diteruskan.

Kata kunci: Penyeludupan barangan asas; komuniti sempadan; faktor kelangsungan penyeludupan; faktor wujudulu; faktor wujud kemudian

ABSTRACT

A social culture of “smuggling” at Malaysia-Indonesia border, in particular involved the necessities goods, was happening prior to the formation of Malaysian federation state. A previous research finding implied even though the strict control enforcement is imposed at both countries border, but smuggling goods activities is still going on. The question was, why is it remain ongoing? The aims of the research were to get understanding why the good smuggling activities still happening at the both border in LubokAntu-Badau in the state of smuggling law enforcement. Specifically, this study was identified factors that contributed towards the survival of the goods smuggling activities. This study is a qualitative study involving case study design. An in-depth interview method for 15 informants selected through purposive sampling and observation was conducted to obtain reliable findings. The study data were analysed using ATLAS.ti software. This study found that there are two contributing factors to the survival factors of smuggling of goods. First, the pre-existing factors include trade history, familyship relations, sense of belongingness sentiment, culture and geography. Second, post-existing factors eventually include the border gate and border-related agreements. This implied that pre-existing factors were the main contributor towards the

survival of the goods smuggling activities and its refused the “goods smuggling concepts” under post-existing factor. Otherwise, the pre-existing source has defended the concept that “smuggling” only valid if its involved dangerous items such as weapon and drug. This further influenced the perception among the authorities of entrance doors both countries that smuggling of necessities was a culture of border community which is needed to proceed.

Keywords: Basic goods smuggling; border community; smuggling factors; pre-existing factor; post-existing factor

PENDAHULUAN

Sepuluh tahun kebelakangan ini, hubungan antara Malaysia dan Indonesia dihangatkan oleh beberapa isu penyeludupan lintas sempadan termasuklah sempadan Sarawak-Kalimantan Barat, yang membabitkan pekerja asing, pembalakan haram, dan pertembungan budaya antara dua buah negara (Wadley & Eilenberg 2005; Ramli Dollah et al. 2015). Ini menunjukkan bahawa undang-undang antarabangsa sempadan antara negara Malaysia-Indonesia tidak lagi dapat berfungsi dengan baik bagi menghalang kegiatan penyeludupan yang diharamkan. Malahan, semakin pesat pembangunan ekonomi semakin aktif pula kegiatan penyeludupan di sempadan Borneo iaitu Sarawak-Kalimantan Barat. Sehubungan dengan itu, kajian oleh Elyta (2017) dan Fauzi et al. (2013) berkenaan dengan perdagangan gula di sempadan Entikong dan penyeludupan di sempadan Sungai Golok dan Rantau Panjang misalnya, membuktikan bahawa permintaan barangan yang tinggi dari masyarakat di kedua-dua buah kawasan akhirnya mendorong kepada berlakunya aktiviti penyeludupan barangan. Selain itu, kajian oleh Mohammad et al. (2014) dan Heyman (2008) turut menyatakan bahawa sempadan Iran-Pakistan-Afghanistan dan U.S.-Mexico merupakan antara negara yang mencatatkan penyeludupan barangan tertinggi di dunia. Ia disebabkan oleh kepesatan kegiatan ekonomi di kawasan sempadan.

Hubungan positif antara pembangunan ekonomi dengan kegiatan penyeludupan seperti yang dibayangkan di atas, memperlihatkan seolah-olah kegiatan penyeludupan barangan satu fenomena yang sudah sebatian dengan kegiatan ekonomi (Gusni & Jalihah 2019), menyebabkan sukar untuk dikekang meskipun adanya undang-undang. Sejauh manakah benarnya kenyataan ini? Jika ia benar, apakah sebenarnya kuasa-kuasa sosial yang mendorongnya?

Makalah ini bertujuan mengenal pasti dan membincangkan faktor kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan dalam kalangan komuniti

sempadan Sarawak-Kalimantan Barat iaitu Lubok Antu dan Badau.

PERMASALAHAN DAN TUJUAN KAJIAN

Aktiviti penyeludupan yang melibatkan barangan import dan eksport merupakan komoditi penyeludupan antarabangsa yang utama di kebanyakan negara membangun (Farzanegan, 2008; Hassan & Amin, 2015). Kajian-kajian lalu menyatakan bahawa, kegiatan penyeludupan menyebabkan kerugian besar kepada sesebuah negara memandangkan ia melibatkan barangan subsidi dan bercukai (Dominguez 1975; Buehn & Eichler 2009; Fauzi Hussin et al. 2013). Adalah dijangkakan bahawa, setelah terjalinnya kerjasama ekonomi antara dua buah negara seperti di Entikong, Sarawak yang bersempadan dengan Kalimantan Barat, kegiatan penyeludupan tidak lagi wujud (Fariastuti 2000). Namun hakikatnya di kebanyakan negara, termasuklah Malaysia dan Indonesia, kegiatan penyeludupan rentas sempadan di kawasan sempadan antara negara terus berlangsung. Fenomena sosial yang negatif ini telah menimbulkan debat, tentang apasebenarnya yang menjadi pendorong kepada kegiatan penyeludupan. Beberapa kajian lampau cuba untuk merungkai persoalan ini, antaranya adalah kajian oleh Schoenberger & Turner (2008), Tagliacozzo (2002), Ering (2011), Fauzi Hussin et al. (2013) dan Ojo et al. (2014).

Dalam pada itu, kajian-kajian lampau di daerah sempadan Malaysia-Indonesia (Sarawak-Kalimantan Barat), umpamanya, mendapati bahawa kegiatan “penyeludupan” telah lama berlaku. Persoalan yang menarik dalam hal ini adalah, kenapakah kegiatan penyeludupan terus berlaku walaupun pintu sempadan antarabangsa dikawal ketat oleh pihak kastam dan imigresen? Bagi menjawab persoalan tersebut, pelbagai faktor telah dikenalpasti oleh para pengkaji terdahulu, antaranya adalah faktor sejarah, faktor budaya, faktor kekeluargaan, dan faktor penguatkuasaan

undang-undang yang lemah (Gusni & Jalihah 2019; Tagliacozzo 2002; Zarina 2004; Wadley & Eilenberg 2005; Ford & Lyons 2007; Yusten 2009; Eilenberg 2012; Fauzi 2013; dan Ramli et al. 2015).

Sementara itu, di sempadan Malaysia-Indonesia di Sarawak, kajian lalumenunjukkan bahawa fenomena sosial yang kini dinamakan “penyeludupan” adalah berkait dengan faktor sosiobudaya dan ekonomi yang terjalin dalam kalangan komuniti sejak sebelum terbentuknya Malaysia. Apabila wujudnya sempadan negarabangsa antara Malaysia dan Indonesia, maka kegiatan perdagangan lintas sempadan antara komuniti dua buah negara sudah menjadi tidak sah dan digelar penyeludupan (Aris Munandar 2011).

Walaupun kehidupan seharian dalam kalangan komuniti sempadan Malaysia-Indonesia secara politiknya dipisahkan oleh sempadan dan kewarganegaraan yang berbeza tetapi mereka meneruskan hubungan sosial yang terjalin dalam satu sistem budaya yang sama (Junaenah et al. 2013). Kegiatan perdagangan yang kini dianggap “penyeludupan” kelihatannya telah sebatikan dengan sistem budaya yang menjalin hubungan sosial mereka. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas berkenaan dengan kelangsungan penyeludupan barangan di sempadan Malaysia-Indonesia, terutamanya Sarawak-Kalimantan Barat, adalah tidak menjurus kepada faktor budaya.

Sebelum ini, terdapat kajian mengenai komuniti sempadan Lubok Antu-Badau yang telah dilakukan oleh Kendawang et al. (2005), Prasajo (2013), Suhana et al. (2014), dan Endi & Ratnawati (2012). Namun demikian, kebanyakan kajian yang dilakukan adalah lebih menjurus kepada kajian berkenaan dengan sosio-ekonomi, identiti, dan nasionalisme tetapi kurang menyentuh isu penyeludupan barangan. Sebagai contoh, kajian oleh Fatma (2013) adalah berkisar mengenai senario jenayah penyeludupan ikan di kawasan sempadan Kalimantan Barat dan Sarawak secara umum dari sudut kajian undang-undang. Oleh itu, kajian faktor kelangsungan ini, merupakan satu usaha untuk memahami fenomena penyeludupan dalam kalangan komuniti sempadan di Malaysia-Indonesia iaitu Lubok Antu-Badau. Isu yang menjadi persoalan permasalahan kajian ini adalah apakah faktor-faktor sosial yang mencetuskan kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan di sempadan Malaysia-Indonesia di Lubok Antu-Badau?

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk memahami kenapa kegiatan penyeludupan barangan di sempadan Malaysia-Indonesia iaitu Lubok Antu dan Badau terus berlangsung walaupun undang-undang penyeludupan sedang berkuatkuasa. Lebih khusus lagi, maka kajian ini mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan di sempadan Malaysia-Indonesia iaitu Lubok Antu dan Badau. Seterusnya membincangkan bagaimanakah faktor-faktor tersebut mempengaruhi kelangsungan kegiatan penyeludupan berkenaan.

KOMUNITI SEMPADAN DAN PENYELUDUPAN BARANGAN

Aris Munandar (2011) dan Azlie & Geetha (2019) menyatakan bahawa sempadan adalah garisan-garisan di atas peta sesebuah negara serta memiliki kekuatan secara *legal-formal* untuk memisahkan kedaulatan politik sesebuah negara dan dapat membezakan pemerintahan sesebuah negara dengan negara-negara lain. Menurutnya lagi, dari segi budaya, sempadan dianggap sebagai satu cara untuk membezakan identiti nasionalisme masyarakat antara sesebuah negara dengan negara yang lain. Sempadan antarabangsa ini berfungsi sebagai satu zon yang menuntut kawalan ke atas pergerakan fizikal lintas sempadan dan keperluan pasport atau dokumen imigresen.

Oleh hal demikian, sempadan adalah berfungsi sebagai satu garisan yang membatasi wilayah dan kedaulatan sesebuah kawasan atau negara. Ia juga berfungsi sebagai ‘*screening agents*’ bagi mengawal apa sahaja perkara yang keluar-masuk secara sah ataupun tidak, melalui pintu sempadan berlandaskan undang-undang politik negara (Clement 2004). Aktor yang keluar-masuk antara sempadan adalah manusia dan merekalah yang membawa barangan tidak kira apa jenisnya, melepasi pintu sempadan antara negara-negara yang terlibat. Manusia dalam konteks kajian sempadan antarabangsa adalah melibatkan komuniti sempadan iaitu manifestasi nyata yang wujud sejurus sempadan dibentuk (Mariappan 2006). Neuman (2001) menjelaskan bahawa sempadan boleh wujud sebagai penghubung kepada pergerakan barang, manusia, senjata, dan dadah antara negara-negara yang berlainan.

Dalam pada itu, hasil kajian oleh Yusten Karulus (2009) menjelaskan bahawa aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh komuniti sempadan diantara

komuniti Lun Dayeh dan Ba'Kelalan merupakan salah satu faktor yang membawa kepada keadaan saling bergantung masyarakat sempadan di kedua-dua negara selain faktor hubungan kekeluargaan. Hal ini ditambah lagi dengan kawalan sempadan yang agak longgar, meningkatkan kekerapan keluar masuk penduduk Malaysia dan Indonesia menerusi sempadan. Ianya disokong lagi oleh kajian Ong et al. (2011) yang menyatakan bahawa dorongan untuk menjalankan aktiviti perniagaan di Serikin adalah disebabkan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang imigresen. Penduduk di sempadan Indonesia juga mengambil kesempatan ini untuk bertemu saudara-mara serta rakan-rakan di Serikin.

Situasi yang sama turut berlaku di sempadan Kalimantan Barat dan Serikin Sarawak yang mana peniaga di Indonesia banyak terlibat dalam perniagaan secara kecil-kecilan di sempadan Serikin. Kajian Noor Rahamah et al. (2012), umpamanya mendapati kegiatan perniagaan yang berlaku di kawasan sempadan Indonesi-Malaysia adalah dalam kalangan komuniti yang mempunyai pertalian kekeluargaan dan persahabatan. Ini juga menunjukkan bahawa faktor ikatan etnik dalam kalangan penduduk sempadan, adalah pendorong utama kegiatan perdagangan yang tentunya melibatkan pergerakan barangan antara sempadan Indonesia-Malaysia.

KERJASAMA RENTAS SEMPADAN: PERJANJIAN SOSEK MALINDO

Pelbagai perjanjian keselamatan telah ditandatangani antara Malaysia dengan Indonesia untuk mengukuhkan kerjasama keselamatan dan ekonomi. Salah satunya adalah Kerangka Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) yang ditandatangani pada tahun 1970 bagi mewujudkan keselamatan dan pembangunan serta pembasmian kumpulan komunis di sempadan Sarawak-Kalimantan (Ruhanas 2009). Selain daripada kerjasama keselamatan dengan Indonesia, aspek pembangunan ekonomi dan sosial turut diberi perhatian melalui pembentukan jawatankuasa sosioekonomi iaitu Kelompok Sosio-Ekonomi (KK SOSEK) yang bertujuan memajukan taraf hidup rakyat di sempadan (Ruhanas 2009). Oleh hal demikian, perjanjian sosioekonomi antara Malaysia dan Indonesia merupakan salah satu kesepakatan yang telah termeterai bagi menjaga hubungan sosioekonomi dan memperbaiki

tingkat kesejahteraan masyarakat yang hidup di kawasan sempadan bersama, seperti Kerjasama Ekonomi Malaysia-Indonesia yang disingkatkan menjadi SOSEK MALINDO (Sonny 2014).

SOSEK MALINDO adalah bentuk kerjasama yang berkesinambungan daripada *Border Trade Agreement* (BTA) iaitu perjanjian untuk mengawal selia barangan (perdagangan tradisional) merentas sempadan. Hal ini seterusnya menyebabkan masyarakat di kawasan sempadan di berikan satu *kartu* (Kad) iaitu *Kartu Izin Lintas Batas* (KILB) yang mana masyarakat dapat membeli barangan keperluan asas di Malaysia tidak melebihi RM600 untuk setiap satu orang penduduk dalam waktu satu bulan. Rentetan daripada kerjasama sosioekonomi yang dijalankan secara berterusan, maka semakin banyak kemajuan yang dilakukan seperti pembangunan dalam bidang infrastruktur di kedua-dua buah kawasan seperti pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dan *Pos Pemeriksaan Lintas Batas* (PPLB).

Sehubungan dengan itu, sebanyak 16 buah kampung di Kalimantan Barat dan 10 kampung di Sarawak telah bersetuju untuk dijadikan tempat keluar masuk sempadan iaitu *Pos Pemeriksaan Lintas Batas* (PPLB). *Pos Pemeriksaan Lintas Batas* merupakan pintu keluar masuk secara tradisional bagi komuniti untuk memudahkan masyarakat yang berada di sempadan antara negara untuk berinteraksi dalam kegiatan sosioekonomi dan sebagainya (Nurfitri, 2009). Antara pintu masuk-keluar utama di Kalimantan Barat-Sarawak adalah seperti di Temajuk-Sematan, Jagai Babang-Serikin, Biawak, Tebedu, Nanga Badau-Lubok Antu.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini berdasarkan satu kajian yang telah dilakukan di sempadan antara Sarawak dan Kalimantan Barat iaitu Lubok Antu-Badau (Rajah 1).

Pendekatan kualitatif telah digunakan bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian berdasarkan kepada pengamatan dan pandangan yang dikemukakan oleh informan di kawasan penelitian. Oleh demikian, temubual secara mendalam dan pemerhatian secara terus (*direct observation*) telah dijalankan bersama 15 orang informan dalam kalangan peniaga, *Tukang ojek*, komuniti setempat serta pihak penguatkuasa sempadan Malaysia dan Indonesia.



RAJAH 1. Peta lokasi sempadan Lubok Antu, Malaysia-Badau, Indonesia.

Sumber: Wadley (2006)

Memandangkan populasi komuniti kajian penelitian adalah dalam kuantiti yang besar, maka persampelan bukan kebarangkalian iaitu kaedah persampelan bertujuan telah digunakan. Informan dipilih hanya berdasarkan ciri khusus dan tujuan spesifik sahaja (Mok Soon Sang, 2010). Oleh itu, beberapa ciri telah ditentukan bagi mengenalpasti informan yang memenuhi kriteria penyelidikan untuk ditemu bual. Antaranya adalah individu peniaga yang menjalankan urusan niaga merentas sempadan, pegawai penguatkuasa sempadan yang bertugas, individu dalam komuniti setempat, serta *Tukang ojek* yang aktif merentasi kawasan sempadan dan memahami fenomena penyeludupan di kawasan kajian. Sugiyono (2016) menyatakan bahawa dalam kajian kualitatif, penentuan jumlah sampel adalah tidak berdasarkan kepada kuantiti. Ia lebih kepada mendapatkan informasi yang maksimum dan bukan untuk digeneralisasikan. Dalam pada itu, perisian *Atlas.ti* telah digunakan sebagai alat untuk menganalisis rakaman dan catatan dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Dari segi pembahagian informan, 12 orang informan yang dipilih adalah dari Badau yang merupakan individu paling memahami fenomena penyeludupan barangan di kawasan penelitian. Sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 1, hanya tiga orang sahaja yang dipilih dari Lubok Antu. Ini kerana, penyeludupan lebih banyak dari wilayah Malaysia ke wilayah Indonesia yang kebanyakan diuruskan oleh individu dari Indonesia. Informan yang dipilih mempunyai pengetahuan yang baik tentang kegiatan penyeludupan walaupun latar belakang pekerjaan mereka berbeza. Para informan

terdiri daripada peniaga, komuniti setempat, *Tukang ojek* (*Tukang ojek* adalah individu yang diupah bagi membawa barangan mahupun individu dari Lubok Antu ke Badau dan juga sebaliknya) dan pihak penguatkuasa sempadan yang bertugas.

FAKTOR WUJUDULU

Kajian ini mendapati bahawa terdapat dua faktor yang mendasari kepada kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan di kawasan penelitian yakni faktor wujudulu dan faktor wujudkemudian. Faktor wujudulu merupakan faktor yang wujud sebelum wujudnya negara bangsa 1963 yang membentuk sempadan rasmi antara dua negara. Seterusnya, faktor wujud kemudian adalah merupakan faktor yang wujud setelah adanya sempadan rasmi seperti undang-undang, perjanjian kerjasama dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dan *Pos Pemeriksaan Lintas Batas* (PPLB).

Hubungan sosiobudaya dan ekonomi yang terjalin dalam kalangan komuniti sempadan Sarawak-Kalimantan Barat telah berlaku sejak dahulu lagi iaitu sebelum wujudnya dasar polisi politik negara ataupun undang-undang sempadan (Majid Cooke 1999; Eilenberg 2012). Namun, apabila wujudnya sempadan negara secara sah, maka situasi ini kemudiannya menyebabkan pergerakan komuniti terbatas dan memisahkan hubungan persaudaraan disebabkan status kewarganegaraan yang berbeza (Aris Munandar 2011). Namun begitu, secara asasnya mereka hidup dalam sistem komuniti yang diikat oleh pola perilaku dan budaya yang sama (Junaenah et al. 2013). Kajian ini mendapati bahawa lima faktor utama telah dikenalpasti sebagai menyumbang kepada kelangsungan penyeludupan barangan di

kawasan penelitian yang datangnya daripada faktor wujudulu iaitu sejarah perdagangan, kekeluargaan, sentimen kekitaan, budaya, dan geografi. Jadual 2 menunjukkan faktor-faktor tersebut.

Faktor sejarah perdagangan antara dua buah kawasan merupakan sebab utama mengapa penyeludupan berlaku dengan giat. Sejarah perdagangan dikaitkan dengan hubungan perniagaan bilateral kedua-dua komuniti sejak sebelumnya konfrontasi Indonesia berlaku pada tahun 1962-1966. Fenomena ini turut berlaku di Kepulauan Riau sejak kedatangan British dan Belanda yang memonopoli kepentingan ekonomi di Perairan Selat Melaka suatu ketika dahulu (Ford & Lyons 2007). Namun begitu, menurut pemahaman informan yang ditemubual, sejarah perdagangan bilateral yang berlaku sejak 70 tahun lalu tidak dapat dikatakan sebagai penyeludupan. Malahan ia merupakan kepentingan ekonomi antara komuniti sempadan. Menurut salah seorang informan yang ditemubual:

“Meskipun pada satu ketika dulu perdagangan yang dijalankan menggunakan jalan tidak rasmi, tapi telah wujud hubungan bilateral iaitu jual-beli barangan antara masyarakat Badau dan Lubok Antu. Meskipun dalam kuantiti yang kecil namun ia merupakan barang keperluan seharian masyarakat Badau. Sebelum adanya jalan rasmi juga, masyarakat antara dua sempadan ini telah lama berkomunikasi. Malah orang Lubok Antu pun banyak yang asal dari Badau dan begitu juga sebaliknya. Jadi dari dulu hingga sekarang, ada dua

sebab yang mengukuhkan hubungan antara masyarakat di sempadan ini iaitu persaudaraan dan ekonomi.” (R9)

Dalam pada itu, sejarah perdagangan adalah berkait rapat dengan faktor kekeluargaan. Menurut kesemua informan, faktor kekeluargaan merupakan sebab utama mengapa “penyeludupan” adalah kesinambungan yang terjalin, sejak sebelum kewujudan negara bangsa merdeka Malaysia dan Indonesia. Meskipun secara biologinya, tidak semua penduduk komuniti sempadan Malaysia-Indonesia mempunyai kaitan hubungan mahupun kekeluargaan, namun menurut para informan, komuniti setempat telah menganggap komuniti di kedua-dua kawasan sebagai “ahli keluarga”. Menurut salah seorang informan:

“Dari segi hubungan antara kedua belah masyarakat, sudah seperti keluarga kerana kebanyakan warga sini mempunyai saudara-mara dari Lubok Antu biarpun tidak ada hubungan, tapi disebabkan sudah saling kenal maka mereka sudah menganggap sesama sendiri sebagai keluarga.” (R14)

Pihak penguatkuasa turut menyatakan bahawa kelonggaran yang diberikan kepada komuniti sempadan untuk membawa barangan lintas sempadan adalah disebabkan hubungan kekeluargaan mahupun kekerabatan. Kelonggaran ini akhirnya memberikan sedikit kebebasan untuk mereka membawa barangan rentas sempadan terutamanya barangan terkawal. Akhirnya, faktor kekeluargaan menyebabkan

JADUAL 1. Pembahagian informan mengikut pekerjaan dan kawasan

Kategori	Kawasan		Bilangan
	Lubok Antu	Badau	
Peniaga	1	3	4
Tukang ojek	0	3	3
Komuniti setempat	0	3	3
Pihak Penguatkuasa	2	3	5
Jumlah	3	12	15

JADUAL 2. Faktor penyeludupan barangan mengikut kekerapan*

Faktor Penyeludupan	Kekerapan	Peratus (%)
Sejarah perdagangan	18	23.7
Kekeluargaan	16	24.2
Sentimen kekitaan	13	19.7
Budaya	11	16.7
Geografi	8	12.1
Jumlah	66	100.0

*Kekerapan dikira berdasarkan kepada kekerapan setiap faktor mahupun ayat dituturkan dan diulang berdasarkan kiraan *Quotes*.

wujudnya perasaan kekitaan mahupun “*weness*”. Jelas dalam suatu temu bual bersama pihak penguatkuasa:

“Secara undang-undang, memang perlakuan ini adalah satu perkara yang salah tapi kami tidak melihat semua itu sebagai satu perlakuan yang salah. Kedua-dua masyarakat adalah seperti keluarga sudah. Jadi apa salah kalau jiran tetangga ingin membantu jiran mereka yang memerlukan makanan. Yang susahnyanya adalah apabila keperluan harian dan penguatkuasaan adalah bertentangan dengan undang-undang. Tapi sekiranya dalam isu ini, ianya adalah atas dasar toleransi mahupun kemanusiaan, kami lepaskan sahaja.” (R11)

Hubungan kekeluargaan mahupun kekerabatan, seterusnya mewujudkan rasa kekitaan (*sense of belongingness*) dalam kalangan komuniti. Eilenberg (2005) dalam Ong (2011) berpendapat bahawa komuniti sempadan tidak menganggap diri mereka sebagai warganegara asal sebaliknya lebih cenderung untuk menganggap diri mereka serumpun dengan komuniti jiran sebelah.

Rasa kekitaan ini wujud dalam kalangan informan disebabkan informan merasakan komuniti sebelah (Lubok Antu) adalah ibarat keluarga dan kewujudan sempadan hanyalah di atas kertas sahaja, tanpa menyekat hubungan mereka. Selain itu, informan turut merasakan tiada perbezaan antara mereka, malah terdapat persamaan dari segi budaya yang akhirnya memadamkan kewujudan garis sempadan sebagai satu pemisah. Hal ini dikemukakan oleh salah seorang informan yang menyatakan:

“Kalau dulu pun, memang benda ini adalah perkara biasa dibawa. Kenapa mahu ditahan kalau ianya membantu sesama jiran tetangga.” (R5)

Pernyataan tersebut disokong lagi oleh respons dari pihak penguatkuasa sempadan. Menurut beliau:

“Iya, atas dasar toleransi dan kekeluargaan. Kalau misalnya ada acara gawai *kayak* (seperti) gini kan, kitakan masih ada toleransi. sebab sana ada saling kaitan keluarga sama yang sini kan. Jadi boleh saja. Sebab kalau sini atau sana ada aktiviti kan, maka kami akan perbolehkan juga. Tidak juga kami terlampau ketat kan.” (R15)

Persamaan ini yang membawa kepada persepsi bahawa aktiviti yang dilakukan oleh komuniti sempadan khasnya komuniti di Badau adalah tidak menyalahi undang-undang disebabkan faktor kekeluargaan dan kesamaan (*sameness*) antara komuniti sempadan. Bermakna pergerakan rentas sempadan yang melibatkan pembawaan

barangan dalam kalangan warga komuniti sempadan adalah dibenarkan. Kajian oleh Ramli et al. (2015) di Pulau Sebatik turut mendapati komuniti sempadan di pantai timur Sabah lebih banyak menonjolkan aspek kesamaan kerana banyak terikat dengan aktiviti-aktiviti yang memberikan keuntungan kepada penduduk di kedua-dua tempat. Sehubungan dengan itu, komuniti di Sempadan Sarawak-Kalimantan Barat telah lama mempunyai hubungan simbiotik yang saling mengukuhkan dan menguntungkan kedua belah pihak. Salingbergantungan ini memerlukan mereka untuk terus menjalinkan hubungan yang harmonibagi memenuhi keperluan bersama (Mohd Yusof et al. 2016).

Seterusnya, perkongsian budaya merupakan faktor yang menyebabkan komuniti sempadan antara dua kawasan bebas untuk keluar dan masuk melalui pintu sempadan. Melalui penceritaan informan, etnik Iban yang berasal dari Kalimantan Barat merupakan antara masyarakat yang banyak melakukan imigrasi ke Sarawak terutamanya Lubok Antu suatu ketika dahulu. Maka tidak hairanlah sekiranya kedua-dua kawasan komuniti sempadan banyak berkongsi budaya yang sama terutamanya dari segi dialek dan adat. Kajian oleh Zhang (2008) dalam Siegel (2009) turut menyatakan bahawa faktor budaya mempengaruhi hubungan antara penyeludup dan klien seperti hubungan kekeluargaan, penggunaan dialek yang sama, dan hubungan saling percaya yang kukuh. Meskipun etnik Dayak adalah minoriti di kawasan Badau, namun ianya tidak membataskan komuniti etnik Melayu bertutur dalam bahasa Iban. Melalui pemerhatian pengkaji di kawasan Badau, majoriti komuniti bertutur dalam dialek Iban ketika berkomunikasi. Perkara ini turut berlaku dalam kalangan informan dan peniaga ataupun pembekal barangan di Lubok Antu. Menurut salah seorang informan:

“Masyarakat disini menggunakan bahasa Iban biarpun ada yang bertutur menggunakan bahasa Melayu. Tapi bagi saya, hal ini yang memudahkan mereka untuk berinteraksi sehinggasekarang.” (R2)

Sesuai dengan pernyataan daripada informan di atas, komunikasi menggunakan bahasa yang sama turut mempengaruhi dalam hubungan interaksi dalam kalangan dua komuniti terutamanya dari segi perdagangan dua hala. Fenomena seperti ini turut berlaku di Nigeria. Menurut Golub (1999), sejarah membuktikan bahawa perkongsian budaya yang sama telah menyatukan rakyat dari pelbagai negara di Afrika Barat seperti Togo, Benin dan

Nigeria yang akhirnya melangkaui sempadan kewarganegaraan dan penyeludupan melalui Sahara telah digunakan sebelum era penjajahan lagi.

Bagi kes di kawasan sempadan Tebedu dan Serikin, komuniti yang ramai berkunjung adalah atas faktor ekonomi iaitu bagi tujuan menjual barangan kepada masyarakat Sarawak khususnya. Namun demikian, bagi kes komuniti sempadan di Badau-Lubok Antu, komuniti adalah terarah kepada membeli barangan di Lubok Antu untuk dijual kembali kepada komuniti setempat iaitu komuniti di Badau. Hal ini jelas terlihat di kedai informan di Lubok Antu selama tempoh kajian dilakukan.

Pada sudut lain, kajian oleh Ong et al. (2011) tentang "Pasar Raya di Persempadanan" turut menyatakan bahawa kewujudan faktor sejarah, pertalian kekeluargaan dan asal etnik yang sama telah mempengaruhi hubungan perniagaan antara komuniti sempadan di Serikin, Sarawak. Sepertimana kawasan sempadan yang lain, darjah ketersampaian yang tinggi seperti jarak yang dekat serta jalan raya berturap menyebabkan mengapa komuniti lebih suka membeli barangan di Lubok Antu. Menurut salah salah seorang informan:

"Lagipun, semua barang itu merupakan bahan keperluan seharian masyarakat Badau kerana tidak mungkin kami kena pergi ke Pontianak semata-mata untuk membeli barang makan kerana kos pengangkutan sahaja sudah besar. Tapi kalau pergi ke Lubok Antu lebih dekat umpamanya seperti mengunjungi jiran sebelah." (R7)

Sumber makanan seharian yang lebih lengkap dan mudah didapati menyebabkan komuniti Badau lebih selesa untuk berurusan di Lubok Antu. Lubok Antu menjadi tumpuan penduduk Badau untuk mendapatkan barangan kerana dekat di samping kos pengangkutan yang murah berbanding ke Putussibau (bandar terdekat dengan Badau). Dalam hal ini, kesemua informan menyatakan bahawa, kos yang lebih rendah serta jarak yang dekat menyebabkan komuniti lebih memilih untuk membeli barangan di Lubok Antu daripada tempat lain.

FAKTOR WUJUDKEMUDIAN

Dalam pada itu, faktor wujudkemudian turut mempengaruhi kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan di kawasan penelitian. Faktor wujudkemudian merupakan faktor yang wujud seiring dengan wujudnya negara bangsa. Sempadan negara pertama adalah

wujud berdasarkan kepada idea dan pengalaman Eropah terutamanya Britain dan Perancis melalui perjanjian Westphalia 1648 yang membawa kepada pembentukan negara-negara bangsa (Ramli et al. 2015).

Oleh itu, menurut perjanjian yang telah ditemerai antara Malaysia-Indonesia, setiap individu yang mendiami kawasan sempadan diperbolehkan membawa barangan tidak melebihi RM600 seorang. Salah seorang informan memberikan penjelasan:

"Sebab semua kami disinisepertinya memang sedia maklum dengan peraturan begini. Dan kalau kami beli barang pun, kena ada senarai jumlah harga untuk ditunjukkan kepada penguatkuasa sekiranya diarah. Lagipun itu memang undang-undang kesepakatan antara Malaysia dan Indonesia, yang mana masyarakat diberi kebebasan ataupun peluang berbelanja ke Malaysia itu minimumnya RM600 yang mana tidak akan dikenakan cukai. Tapi setahu saya, memang setakat ini kami belum dikenakan cukai kerana itu merupakan keperluan harian."(R5)

Pernyataan dari informan diatasjelas menggambarkan mengenai pemahaman beliau berkenaan dengan perjanjian membawa barangan sebanyak RM600 seorang untuk tempoh satu bulan. Malah, komuniti sedia maklum berkenaan dengan perjanjian ini sebelum wujudnya CIQ dan PPLB lagi iaitu sejak laluan tidak rasmi masih digunakan lagi.

PERSEPSI TERHADAP KONSEP PENYELUDUPAN BARANGAN

Walau bagaimanapun, menurut komuniti kajian, penyeludupan barangan tidak berlaku dalam komuniti sempadan Lubok Antu-Badau. Sikap komuniti setempat yang menganggap perkara ini tidak serius dan bukanlah isu yang besar menyebabkan isu ini tidak dipandang serius oleh komuniti setempat malah oleh pihak penguatkuasa. Oleh itu, seperti yang telah diterangkan sebelumnya, faktor-faktordaripadafaktor wujudnya merupakan penghalang bagi pihak penguatkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang bagi mengurangkan isu ini daripada terus berlaku. Menurut Mutia (2014), sempadan Kalimantan Barat merupakan antarakawasan yang mempunyai tingkat aktiviti dan interaksi ekonomi perdagangan yang cukup tinggi. Hal ini jelas dilihat melalui sejarah perdagangan tradisional yang telah lama dijalankan di kedua-dua buah kawasan. Jelasnya

lagi, tingkah lakuinteraksi masyarakat sempadan dicetuskan oleh adanya persamaan dari segi adat-istiadat, etnik, dan bahasa yang digunakan.

Disamping itu, Wadley & Eilenberg (2009) juga menyatakan bahawa komuniti Iban pada zaman pemerintahan British dan Belanda di kawasan Kalimantan menggunakan sempadan bagi mengelak daripada dikenakan cukai dan tahanan kuasa penjajah. Oleh itu, faktor kesamaan dari segi sejarah perdagangan dan kebudayaan menjadi landasan melakukan interaksi sosial yang saling menguntungkan antara komuniti di dua buah kawasan sempadan, juga berlaku di kawasan kajian. Hal ini menyebabkan informan menjelaskan bahawa persetujuan pihak berkuasamerupakan“tiket persetujuan” bagi membawa barangan tanpa membayar cukai.

Secara konseptual, apa-apa sahaja jenis barangan yang diharamkan atau dilarang untuk tujuan import atau transaksi adalah dilabelkan sebagai aktiviti penyeludupan seperti makanan, minyak, ubat-ubatan, dan lain-lain (Heidari & Shafian, 2015). Semua informan jelas dan faham berkenaan dengan definisi tersebut. Salah seorang informan menjelaskan bahawa:

“Jadi pada pandangan saya, barang yang dibawa daripada Lubok Antu ke Badau itu boleh dikatakan bukanlah *illegal* kerana penguatkuasa setempat mengetahui barangan tersebut dibawa masuk. Jadi bagaimana anda mengatakan barangan makanan ini sebagai *illegalkan*? Kecuali yang membawa minyak melalui jalan tikus lah kan. Jadi bagi saya la kan, kalau tanpa pengetahuan pihak penguatkuasa setempat, serta membawa barangan tanpa melimpasi kawasan legal iaitu CIQ dan PPLB, maka ianya adalah satu perlakuan yang salahyakinpenyeludupan.” (R8)

Namun demikian, komuniti masih melakukan hal yang bertentangan dengan undang-undang. Ia disebabkan pihak penguatkuasa yang memberikan keizinan kepada komuniti bagi membawa barangan keperluan harian. Analisis temubual ini selari dengan penemuan kajian oleh Flynn (1997), Abraham & Schendel (2005), dan Eilenberg (2009) yang menjelaskan terdapat percanggahan konsep ke atas definisi penyeludupan menurut pandangan komuniti sempadan di dunia. Percanggahan konsep yang berlaku disebabkan oleh sejarah perdagangan dan disokong dengan persamaan sosiobudaya yang terdapat di kedua-dua kawasan sempadan seperti yang berlaku di kawasan kajian. Selain itu, walaupun informan mengaku dirinya sebagai penyeludup apabila disoal, mereka masih mempunyai sebab ke atas tindakan yang diambil.

Seterusnya, Schendel (2006) dalam Eilenberg (2009) menyatakan bahawa sekiranya konsep penyeludupan adalah dengan membawa barangan secara berlebihan ataupun tidak membayar cukai, maka komuniti tidak akan menggunakan istilah tersebut. Simala & Amutabi (2005) dalam kajiannya di sempadan Afrika turut menemukan persamaan dengan kajian oleh Schendel (2005). Komunitihanya melihat garis sempadan sebagai “bayangan” sahaja, dan ini menyebabkan komuniti dan barangan bebas untuk dibawa keluar dan masuk. Oladeji (2010) juga menemukan persamaan bahawa penyeludupan yang dijalankan secara berterusan yang disebabkan oleh perdagangan merentasi sempadan adalah perkara yang normal. Ia telah dijalankan sejak zaman penjajahan lagi. Sehubungan dengan itu, menurut salah seorang informan:

“Kalau menurut hukum perlakuan ini adalah salah, jadi apa boleh buat. Tapi, kalau dilihat kepada RM600 itu tidak cukup untuk dibawa per-hari. Kerana kalau melihat kepada jumlah masyarakat di Badau, jumlahnya sangat banyak dan kalau hanya membawa barangan Rm600 itu sangat tidak berbaloi dan tidak cukup.” (R1)

Pernyataan daripada informan jelas memberikan gambaran bahawa beliau tidak bersetuju jika pihak berkuasa menganggap kegiatan mereka itu sebagai penyeludupan, walaupun barangan itu tidak dikenakan cukai. Ini selaras dengan pandangan mereka bahawa yang dianggap penyeludupan hanyalah yang melibatkan barangan berbahaya seperti dadah dan senjata api. Hal ini dijelaskan oleh informan (R10) bahawa:

“Pada pandangan sayalah kan, penyeludupan ini adalah apabila individu membawa barangan yang terlarang melimpasi kawasan yang legal seperti CIQ dan PPLB. Baranganyangdibawaadalahsepertidadahdansenjata api.” (R10)

Pernyataan tersebut turut memberi gambaran umum bahawa bagi informan, penyeludupan dadah dan senjata api merupakan dua jenis penyeludupan yang membahayakan mahupun tindakan jenayah. Konsep penyeludupan yang difahami oleh komuniti sempadan penelitian ini seolah-olah disokong oleh pihak berkuasa kastam apabila seorang pegawai menyatakan:

“Sebab kita sedia maklum bahawa masyarakat di kedua-dua tempat sama berkongsi budaya yang sama dan pasti mempunyai tali persaudaraan meskipun mempunyai warganegara yang berbeza. Kerana dekat sini pun, banyak masyarakat Badau yang telah berkahwin di sini dan begitu juga sebaliknya. Dari segi

budaya memang mereka berkongsi budaya yang sama. Susah juga mahu halang masyarakat untuk menghadkan pembelian barangan meskipun ia adalah secara berlebihan. Lagipun ia adalah *business* yang dijalankan sejak zaman dulu lagi sebelum ada sempadan rasmi.” (R11)

Hal ini selaras dengan hasil kajian Schendel (2006) di dalam Eilenberg (2009), yang mendapati bahawa walaupun menurut undang-undang setiap tindakan yang dilakukan adalah salah, namun begitu komuniti setempat menganggap perlakuan tersebut bukanlah perbuatan yang salah dan tidak bermoral. Malahan menurut beliau, apa yang dianggap menyalahi undang-undang oleh kerajaan ada yang dianggap sah oleh masyarakat setempat.

Dapatan kajian di atas, jelas menunjukkan bahawa faktor budaya dan kekeluargaan dalam faktor wujudulu, menjadi faktor utama yang mempengaruhi kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan dalam kalangan komuniti sempadan di Lubok Antu-Badau. Oleh kerana penyeludupan ini melibatkan tradisi dan amalan budaya maka ia amat sukar untuk dikekang oleh faktor wujudkemudian iaitu undang-undang yang sedang berkuasa. Oleh itu menurut perspektif komuniti penelitian, memperdagangkan barangan lintas sempadan tidak boleh dianggap sebagai kegiatan penyeludupan. Kajian Flynn (1997) dan Eilenberg (2009) selari dengan dapatan ini, yang mendapati bahawa meskipun tindakan yang dilakukan menyalahi undang-undang, namun komuniti sempadan sendiri menganggap perlakuan tersebut tidak menyalahi undang-undang memandangkan aktiviti tersebut tidak berbahaya dan atas tujuan membantu jiran tetangga menampung kehidupan mereka. Hal ini dijelaskan sendiri oleh pihak penguatkuasa sempadan yang bertugas di Badau. Menurut beliau:

“Sebab kami melihat semua itu atas dasar kemanusiaan. Contohnya kalau orang melimpas membawa barangan; oh, ini untuk keperluan harian, lepaskan saja lah.” (R12)

Selain itu, penemuan kajian turut menunjukkan bahawa kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan turut dipengaruhi oleh tindakan rasional oleh komuniti dan pihak penguatkuasa. Tindakan rasional yang diambil adalah berdasarkan kepada faktor wujudulu iaitu sebelum wujudnya undang-undang atau perjanjian antara kerajaan dua buah negara. Hal ini kerana, undang-undang yang sedia ada adalah dilonggarkan atas dasar toleransi daripada pihak penguatkuasa. Di samping itu, persepsi komuniti turut mempengaruhi sikap

pihak penguatkuasa bahawa membawa barangan berlebihan mahupun tidak membayar cukai, adalah tidak salah dan tidak menyalahi undang-undang.


Oleh itu, didapati aktiviti penyeludupan barangan akan berterusan memandangkan konsep penyeludupan dari persepsi komuniti seperti telah mengatasi undang-undang yang telah digubal dan dikuatkuasakan. Hal ini berkait rapat dengan persepsi komuniti yang melihat undang-undang sebagai “bayangan” semata-mata. Berdasarkan faktor wujudulu, terutama faktor sejarah perdagangan dan kekerabatan, masyarakat tidak melihat aktiviti sedemikian sebagai satu perlakuan yang salah. Faktor-faktor ini mempunyai pengaruh yang kuat ke atas tindakan ataupun tingkah laku sosial yang diambil oleh para komuniti perempadanan terutamanya di kawasan penelitian.

Dalam pada itu, interaksi sosial iaitu hubungan timbal-balik dan jaringan sosial yang berlaku antara komuniti turut mengukuhkan lagi kegiatan ini. Hal ini kerana, kedua-dua komuniti menganggap bahawa membekalkan keperluan harian kepada komuniti setempat merupakan satu tanggungjawab sosial dan “pertolongan”. Ini memandangkan kedua-dua buah komuniti telah menjalankan kegiatan perdagangan sejak sebelum adanya sempadan rasmi.

Oleh hal demikian, faktor wujudulu nampaknya telah membentuk persepsi dalam kalangan komuniti sempadan Malaysia-Indonesia bahawa aktiviti yang diistilahkan penyeludupan sebagai haram dalam konteks faktor wujudkemudian, jika menurut mereka ia bukanlah penyeludupan tetapi ia hanya satu bentuk perdagangan timbal-balik dalam masyarakat serumpun di kawasan sempadan yang telah menjadi budaya sejak sekian lama. Akhirnya, persepsi dominan komuniti sempadan ini telah mempengaruhi sikap pihak berkuasa pintu sempadan Malaysia dan Indonesia iaitu membenarkan kegiatan membawa barangan yang berunsur “penyeludupan”. Antara barangan-barangan yang terlibat adalah gula, tepung gandum, beras, minyak masak, dan lain-lain.

Oleh itu, Rajah 2 menjelaskan bahawa faktor-faktor dalam faktor wujudulu yang menyebabkan kegiatan penyeludupan barangan terus wujud. Dalam keadaan demikian, faktor wujudkemudian kelihatan menyokong faktor wujudulu dan ini telah menguatkan lagi kelangsungan penyeludupan barangan. Faktor wujudulu menegaskan bahawa:

1. Kegiatan yang diistilahkan sebagai “penyeludupan” dalam faktor wujudkemudian,



RAJAH 2. Faktor kelangsungan penyeludupan barangan

- bukanlah “penyeludupan” tetapi perdagangan biasa atau sah.
2. Kegiatan “penyeludupan” hanya yang melibatkan barangan berbahaya seperti penyeludupan dadah dan senjata api.
 3. Kegiatan membawa barangan lintas sempadan ini bersifat memenuhi keperluan asas komuniti serumpun di sempadan Malaysia-Indonesia di Lubok Antu-Badau.

Ini membuktikan bahawa takrifan konsep “penyeludupan” komuniti sempadan Lubok Antu-Badau telah diterima oleh pihak penguatkuasa. Akhirnya ia telah mempengaruhi tindakan yang diambil oleh pihak penguatkuasa iaitu membenarkan kegiatan “penyeludupan barangan” terus berlaku. Maka, berdasarkan hasil dapatan kajian, faktor-faktor seperti sejarah perdagangan, kekeluargaan, sentimen kekitaan, budaya, dan geografi merupakan faktor wujudulu yang menjadi penyebab kepada kelangsungan penyeludupan barangan. Demi memberikan justifikasi, maka pihak penguatkuasa telah menetapkan jumlah mahupun jenis barangan yang dibawa berdasarkan faktor-faktor yang telah dinyatakan.

Apabila penyeludupan adalah satu konsep jenayah yang wujud seiring dengan faktor wujudkemudian, Perjanjian SOSEK MALINDO merupakan salah satu faktor yang terkandung dalam faktor wujudkemudian. Hal ini rentetan daripada wujudnya sempadan rasmi antara dua kawasan iaitu apabila bermulanya pembentukan negara bangsa bagi negara Malaysia amnya. Oleh itu, sejarah perdagangan bilateral yang telah dijalankan sebelum adanya sempadan rasmi antara dua kawasan menyebabkan sehingga kini komuniti

masih tidak melihat garis sempadan rasmi sebagai satu halangan bagi mereka untuk menjalankan urusan niaga mahupun membawa barangan merentasi kawasan sempadan.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati, terdapat dua faktor yang menyumbang kepada kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan. Pertama, faktor wujudulu yang merangkumi faktor sejarah perdagangan, hubungan kekeluargaan, sentimen kekitaan, budaya, dan geografi. Kedua, faktor wujudkemudian yang merangkumi pintu sempadan iaitu kastam dan imigresen, undang-undang penyeludupan dan anggota penguat-kuasa undang-undang. Faktor utama kepada kelangsungan kegiatan penyeludupan barangan di kawasan kajian adalah faktor wujudulu. Konsep dan budaya perdagangan adalah faktor utama yang telah menolak konsep “penyeludupan barangan keperluan asas”. Budaya perdagangan saling memerlukan dan perasaan kekitaan (*sense of belongingness*) berkait dengan kekeluargaan dan persahabatan. Faktor-faktor wujudulu ini juga disokong oleh persepsi dalam kalangan pihak penguatkuasa kastam kedua-dua negara, bahawa kegiatan penyeludupan barangan keperluan asas itu adalah budaya komuniti sempadan yang harus diteruskan.

Oleh hal demikian, implikasi kajian ini dari segi ilmu adalah dapat menyumbang kepada kekuatan kajian lepas dimana kajian ini lebih melihat lebih terperinci terhadap faktor kelangsungan aktiviti dalam kalangan komuniti sempadan dengan menganalisis sejauh mana faktor yang diperolehi

menyumbang kepada kelangsungan fenomena di kawasan kajian. Disamping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menambah himpunan tema penyelidikan yang sedia ada berhubung dengan komuniti sempadan dan penyeludupan selain daripada menjadi rujukan kepada penyelidik akan datang berkenaan dengan kegiatan penyeludupan di sempadan.

RUJUKAN

- Abraham, I. & Schendel, W. V. 2005. Introduction: The making of illicitness. In *Illicit Flows and Criminal Things: State, Borders and the Other Side of Globalization*, edited by Schandel, W. V. & Abraham, I., 1-37. Bloomington: Indiana University Press.
- Abd Hair Awang, Junaenah Sulehan, Noor Rahamah Abu Bakar & Mohd Yusof Abdullah & Ong Puay Liu. 2013. Informal cross-border trade Sarawak (Malaysia)-Kalimantan (Indonesia): A catalyst for border community's development. *Asian Social Science* 9(4): 167-173.
- Andreas, I. 2014. Tinjauan terhadap Perjanjian Perdagangan Lintas Batas (*Border Trade Agreement*) di kawasan perbatasan Kalimantan dengan Sarawak. Master Thesis, Fakultas Hukum, Universitas Tanjungpura, Pontianak.
- Aris Munandar. 2012. Identifikasi etnik dan nasionalisme pada komunitas lokal di daerah perbatasan Indonesia-Malaysia. In *Tantangan dan Prospek Perbatasan Indonesia-Malaysia*, edited by TB. Massa Dja'far, Khairul Fuad & Junaenah Sulehan, 9-24. Jakarta: UNAS PRESS.
- Azlie Ismail & Geetha Govindasamy. 2019. Tuntutan undang-undang dan pendekatan Malaysia di dalam kes Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pedra Brance. *Akademika* 89 (1): 83-95.
- Buehn, A. & Eichler, S. 2009. Smuggling illegal versus legal goods across the U.S-Mexico border: A structural equations model approach. *Southern Economic Journal* 76(2): 328-350.
- Clement, N. 2004. Economic forces shaping the borderlands. In *Challenged Borderlands: Transcending Political and Cultural Boundaries*, edited by Kochi, V.P., Morehouse, B.J. & Walter, 41-61. England: Ashgate Publishing.
- Dominguez, J. 1975. Smuggling. *Foreign Policy* 22: 87-96 + 161-164.
- Eilenberg, M. 2012. *At the Edge of States: Dynamics of State Formation in the Indonesian Borderlands*. Netherlands: KITLV Press.
- Eilenberg, M & Wadley. 2009. Borderland livelihood strategies: The socio-economic significance of ethnicity in cross-border labour migration, West Kalimantan Indonesia. *Asia Pacific Viewpoint* 50(1): 58-73.
- Eilenberg, M. 2012. *At the Edge of States: Dynamics of State Formation in the Indonesian Borderlands*. Netherlands: KITLV Press.
- Endi Haryoni & Ratnawati Yuni Suryandari. 2012. Keadaan sosio-ekonomi sempadan Indonesia-Malaysia dalam laporan akhbar Kompas 2008-2012. *Malaysia Journal of Society and Space* 8 (4): 1-11.
- Ering, S.M. 2011. Trans-border crime and its socio-economic impact on developing economies. *Journal of Sociology and Social Anthropology* 2(2): 73-80.
- Fauzi Hussin, Norehan Abdullah & Hussin Abdullah. 2013. Aktiviti ekonomi sempadan di perairan Sg. Golok-Rantau Panjang: Isu dan cabaran. *Prosiding Perkem VIII, Jilid 1*: 235-245.
- Fariastuti. 2002. Mobility of people and goods across the border of West Kalimantan and Sarawak. *Jurnal Antropologi Indonesia* 67: 94-104.
- Fatma Muthia Kinanti. 2013. Penyelundupan ikan di wilayah perbatasan Kalimantan Barat-Sarawak sebagai bentuk *transnational crime* dan kaitannya dengan Perjanjian Kerjasama Pengelolaan Perbatasan Indonesia dan Malaysia. Master Thesis, Fakultas Hukum, Universiti Tanjungpura, Pontianak.
- Fariastuti. 2002. Mobility of people and goods across the border of West Kalimantan and Sarawak. *Jurnal Antropologi Indonesia* 67:94-104.
- Flynn, Donna K. 1997. "We are the border": Identity, exchange and the state along the Benin-Nigeria border. *American Ethnologist* 24(2): 311-330.
- Ford, M. & Lyons, L. 2012. Smuggling cultures in the Indonesia-Singapore borderlands. In *Transnational flows and Permissive Politics: Ethnographies of Human Mobilities in Asia*, edited by Kalir, B. & Sur, M., 90-108. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Golub, S. 2015. Informal cross-border trade and smuggling in Africa. In *Handbook on Trade and Development*, edited by Morrissey, O., Lopez, R. A., Sharma, K., 179-209. United Kingdom: Edward Elgar Publishing.
- Gusni Saat & Jalihah Md Shah. 2019. Socio-political dimension to the security of Eastern Sabah. In *Holistic Development and Security for ESSZONE*, edited by Diana Peters, Jennifer Chan Kim Lian, Gusni Saat, Abentin Estim & Martin A. Sebastian, 99-130. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Hassan Heidari & Amin Shafian. 2015. Factors affecting goods and currency smuggling in the draft bill to combat goods and currency smuggling. *European Online Journal of Natural and Social Sciences* 4(2): 316-322.
- Heyman, J. McC. 2008. Constructing a virtual wall: Race and citizenship in U.S.-Mexico border policing. *Journal of the Southwest* 50(3): 305- 333.

- Junaenah Sulehan, Noor Rahamah Abu Bakar, Abd Hair Awang, Mohd Yusof Abdullah & Ong Puay Liu. 2013. Development at the margins: Livelihood and sustainability of communities at Malaysia-Indonesia Borders. *Sociologija I Prostor* 197(3): 547-562.
- Kendawang, Joseph Jawa, Tanaka. Sota, Soda. Ryoji, Seman. Logie, Mohd Effendi Wasli & Sakurai, K., 2005. Difference of rice farming practices of the Iban in a national boundry area in Borneo and its socio-economic background. *TROPICS* 14(4): 295-307.
- Majid Cooke, F. 1999. Forests, protest movements and the struggle over meaning and identity in Sarawak. *Akademika* 55: 99-132.
- Mariappan, K. 2006. Sempadan antarabangsa dalam kehidupan komuniti persempadanan di Sabah. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah, dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia, 6-7 November 2006, Kuala Lumpur.
- Mohammad Sadeghi, Forogh Ghasemi, Robabeh Ranjkesh & Mahboubeh Zandinasab. 2014. Smuggling of goods and its relationship with society characteristic of border area (Case study: Minab City of Iran). *Journal of Life Science and Biomedicine* 4 (2): 97-102.
- Mok Soon Sang. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan: Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mutia, A., Bakran, S. & Nurfitri, N. 2014. Kerjasama Sosial dan Ekonomi Malaysia-Indonesia (SOKSEK MALINDO): Studi kasus pengembangan kawasan pariwisata di Kabupaten Sambas. *Jurnal Tesis PMIS-UNTAN-PSI*.
- Neuman, D. 2001. Boundaries, border and barriers: Changing geographic perspectives on territorial lines. In *Identities, Border, Order*, edited by Albert, M., Jacobson, D. & Lapid, Y., 137-152. Minnesota: University of Minnesota Press.
- Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Mohd Yusof Hj. Abdullah, Abd. Hair Awang, Junaenah Sulehan, Ong Puay Liu. 2012. Usahawan mikro dan jaringan sosial komuniti di sempadan: Kajian kes di Serikin Sarawak, Malaysia. In *Tantangan dan Prospek Perbatasan Indonesia-Malaysia*, edited by TB. Massa Dja'far, Khairul Fuad & Junaenah Sulehan, 115-131. Jakarta: UNAS PRESS.
- Nurfitri Nugrahaningsih. 2009. Prospek pembangunan wilayah perbatasan di Kalimantan Barat. Kertas kerja dibentangkan di Konferensi Antarauniversiti Se Borneo-Kalimantan ke 5, dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah, 16-17 Jun, Kota Kinabalu, Sabah.
- Oladeji, Mathew Olaniyi. 2010. Perception of Smuggling among the Yoruba People of Oke-Ogun of South Western Nigeria. *Internet Journal of Criminology*. <https://www.internetjournalofcriminology.com/>. Retrieved on: 15 Februari 2018.
- Ojo, Matthias Olufemi Dada. 2015. Risks and social repercussions inherent in smuggling: A sociological investigation of Badagry-Seme and Owode-Idiroko international border communities in Nigeria. *American Journal of Economics, Finance and Management* 1(2): 43-62.
- Ong Puay Liu. 2016. Memahami kesepaduan sosial di sempadan menerusi lensa komunikasi. *Jurnal Komunikasi* 32(1):455-467.
- Ong Puay Liu, Junaenah, S., Noor Rahamah Abu Bakar, Abd Hair Awang & Mohd Yusof Hj. Abdullah. 2012. 'Pasaraya' di persempadanan: Ruang untuk kedinamisan identiti dan hubungan. In *Tantangan dan Prospek Perbatasan Indonesia-Malaysia*, edited by TB. Massa Dja'far, Khairul Fuad & Junaenah Sulehan, 25-40. Jakarta: UNAS PRESS.
- Prasojo, Z. H. 2013. Dinamika masyarakat lokal di perbatasan. *Wallsongo* 21(2): 417-436.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Amrullah Maraining. 2015. Elemen fizikal dan bukan fizikal dalam pembentukan identiti komuniti sempadan di pantai Timur Sabah, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(7): 9-20.
- Ruhanas, H. 2009. Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran. *JEBAT* 36: 16-40.
- Schoenberger, L. & Turner, S. 2008. Negotiating remote borderland access: Small-scale trade on the Vietnam-China border. *Development and Change* 39 (4): 667-696.
- Siegel, Dina. 2009. Families, social networks and cultural imperatives [Review of the book Chinese Human Smuggling Organizations, by Zhang, S.X. *Trends Organization Crime* Vol 12: 81-83.
- Simala, K. I. & Amutabi, M. 2005. Small arms, cattle raiding and borderlands: The ilemi triangle. In *Illicit Flows and Criminal Things: State, Borders and the Other Side of Globalization*, edited by Schendel, W.V. & Abraham, I., 201-226. Bloomington: Indiana University.
- Schendel, W.V. 2005. Spaces of engagement: How borderlands, illicit flows and territorial states interlock. In *Illicit Flows and Criminal Things: State, Borders and the Other Side of Globalization*, edited by Schendel, W.V. & Abraham, I., 38-68. Bloomington: Indiana University Press.
- Sonny, S. 2014. Rezim kerjasama SOSEK MALINDO Kaltim-Sabah: Mengukur derajat compliance partisipan perjanjian. *Jurnal Hubungan Internasional* 3(1): 33-43.
- Sugiyono. 2016. *Metode Penelitian dan Pengembangan*. Bandung: Alfabeta.
- Tagliacozzo, Eric. 2002. Smuggling in Southeast Asia history and its contemporary vectors in an

- unbounded region. *Critical Asian Studies* 34 (2):193-220.
- Wadley, R. L. & Eilenberg, M. 2005. Autonomy, identity and 'illegal' logging in the border land of West Kalimantan, Indonesia. *The Asia Pacific Journal of Anthropology* 6 (1):19-34.
- Wadley, R. L. 2006. Community cooperation, "illegal" logging and regement antonomy in the borderlands of West Kalimantan. In *State, Community and Forest in Contemporary Borneo*, edited by Majid Cooke, F., 111-132. Canberra: ANU Press.
- Yohanes, K.A.B. 2011. The Indonesia-Malaysia Border Trade Agreement (BTA) in 1970, and it's impact on cross border trade in Entikong-Tebedu, Sarawak. Master Thesis, Ilmu Politik, Universiti Gadjah Mada, Yogyakarta.
- Yusten Karulus. 2009. Komuniti Sempadan dan Persoalan Keselamatan: Kajian Kes di Ba'kelalan. Master Thesis, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
- Zarina Othman. 2004. Mynmar, illicit drug trafficking and security implications. *Akademika* 65: 27-43.
- Julie Tay Gek Hsia (corresponding author)
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, Kota Kinabalu
88400 Sabah, Malaysia
E-mail: helgajulie91@gmail.com
- Gusni Saat
Program of Sociology & Social Anthropology,
Faculty of Humanities, Art & Heritage (FKSW)
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS, Kota Kinabalu
88400 Sabah, Malaysia
E-mail: sgusni@mail.com
- Received: 25 Julai 2018
Accepted: 15 Febuari 2020